

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(87)

Tarikh : 07 September 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya
88582 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Tingkat 5 dan 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pertanian
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalanbelia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
88576 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 14 TAHUN 2000**

PENGESAHAN UNTUK BAYARAN KEMAJUAN PROJEK

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah dapati ada beberapa Jabatan/Agensi-Kerajaan yang tidak mematuhi prinsip dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian kontrak dalam urusan bayaran kemajuan projek.

2. Contoh-contoh

2.1. Beberapa contoh penyelewengan yang telah dikenalpasti berlaku adalah seperti berikut :-

2.1.1. Pengesahan yang telah dibuat oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam perjanjian kontrak atau Pegawai lain yang diberi kuasa olehnya adalah tidak tepat. Kontraktor telah mendapat bayaran yang lebih jika dibandingkan dengan kemajuan kerja yang telah dilaksanakan berpandukan kepada kemajuan pelaksanaan projek yang dinyatakan di dalam kontrak.

2.1.2. Pengesahan yang dibuat oleh Pegawai Penguasa tidak berpandukan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian kontrak.

2.1.3. Kontraktor tidak melaksanakan kerja dengan baik dan tidak melaksanakan kerja untuk mencapai tahap kemajuan kerja sepertimana yang disyaratkan di dalam perjanjian kontrak tetapi bayaran masih juga diterima oleh kontraktor.

3. Prinsip dan Peraturan

3.1. Prinsip dan peraturan berkaitan dengan bayaran kemajuan projek adalah seperti berikut:-

- 3.1.1. Bayaran kemajuan hanya boleh dibayar selepas Pegawai Penguasa atau pegawai lain yang diberi kuasa berpuashati bahawa kontraktor telah melaksanakan kerja dengan baik dan telah mencapai tahap kemajuan kerja sepertimana yang telah disyaratkan di dalam kontrak.

Cabutan daripada perenggan 5.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1995 adalah seperti berikut :-

“5.3. Bayaran kemajuan itu akan hanya dibayar selepas Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam perjanjian kontrak atau Pegawai lain yang diberi kuasa olehnya berpuashati bahawa kontraktor telah melaksanakan kerjanya dengan baik dan mencapai kemajuan kerja yang setimpal sepertimana disyaratkan”.

- 3.1.2. Bayaran kemajuan untuk kontrak kerja hendaklah diuruskan dengan berpandukan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian kontrak.

- 3.1.3. Kemajuan kerja hendaklah dinilai oleh Jabatan/Agensi Kerajaan setiap bulan. Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah membuat bayaran kemajuan di dalam tempoh yang telah ditetapkan supaya pelaksanaan kontrak serta projek tidak terjejas.

4. Adalah diharapkan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan akan sentiasa mengawasi serta memantau Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam Perjanjian Kontrak atau Pegawai lain yang diberi kuasa olehnya, di dalam urusan pengesahan pelaksanaan projek bagi tujuan bayaran kemajuan projek, supaya dapat dilaksanakan dengan betul dan tepat.

Di atas perhatian Y.Bhg. Dato’/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

T.T
(DATUK DR HJ ABDUL AZIZ BIN MOHD ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan
Sabah

s.k. Semua Jabatan Akauntan Negara,
Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Keningau Dan W.P. Labuan

Pek.Perb.Bil.14tahun2000